

Tarikh Iklan: 22 Mei 2025 (Khamis)



**JABATAN LANDSKAP NEGARA**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN**  
**TEMPATAN**



**NOTIS SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN/ KELAS	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARikh DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Sebut Harga : JLN/SH/02/2025  Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di iLKPKT, Bentong, Pahang	T1 (BUMIPUTERA)  Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	I. Berdaftar dengan CIDB – Gred G2 yang beralamat di Pahang.  Kategori CE 14 - Landskap Luar Bangunan  CE 21 -Pembinaan Kejuruteraan Awam  dan  II. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).  dan  III. Sijil Taraf Bumiputra (STB).	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya  Tarikh Dokumen Dijual:  29 MEI 2025 (KHAMIS)  Hingga  5 JUN 2025 (KHAMIS)	RM 10.00  (Tidak akan dikembalikan)  Akauntan Negara Malaysia-KPKT-T	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya  11 JUN 2025 (RABU)  Waktu: 12.00 tengahari

## **TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK**

**Taklimat sebut harga dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN kepada semua petender. Kontraktor digalakkan untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga. Peyebutharga yang menyertai taklimat sebut harga dan lawatan tapak akan dibenarkan untuk membeli dokumen tender.**

**Tarikh dan Tempat Taklimat Sebut harga :**

**28 MEI 2025 (RABU) jam 10.30 pagi di Bilik Perbincangan Melati, Aras 1, Blok Pentadbiran, Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (i-LPKPT), Bukit Tinggi.**

**Kenderaan tidak disediakan semasa lawatan tapak.**

**PERINGATAN : Hanya Penama Di Dalam Sijil Yang Dibenarkan Hadir dan sila kemukakan bersama SIJIL ASAL Pendaftaran PKK, CIDB, Sijil Taraf Bumiputra, Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender. Dokumen sebut harga tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.**

**Peyebutharga TIDAK DIBENARKAN untuk menyertai sebut harga ini sekiranya petender didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana peyebutharga yang mengemukakan surat 'Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Penghususan' atau surat 'Kebenaran Khas Menyertai Sebut harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah' yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah TIDAK DITERIMA.**

### **SILA BAWA CAP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN/PEMBELIAN DOKUMEN**

1. Bayaran hendaklah dibuat tanpa tunai semasa pembelian dokumen sebut harga. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos tidak akan diterima.
2. Dokumen sebut harga boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam **Arahan Kepada Sebut Harga**.
3. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 10 JUN 2025 (SELASA)** Tender No. JLN/SH/02/2025 dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
4. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat [www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my) dan web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my) dan web myprocurement di alamat [www.myprocurement.treasury.gov.my](http://www.myprocurement.treasury.gov.my).

5. \*Jenis Pendaftaran:

- T1 - Syarikat 100% milik warganegara
- A1 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Ketua Pengarah  
Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Tarikh : 21/05/2025